

NO SOALAN :401

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA
(BAKRI)**
PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai jumlah syarikat yang membayar cukai barang dan perkhidmatan 2015-2016, berapa syarikat yang dikenakan kompaun dan berapa dilepaskan bayaran mengikut setiap negeri.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah GST mana-mana entiti sama ada syarikat atau entiti selainnya yang membuat pembekalan bercukai serta mencapai ambang nilai jualan tahunan sebanyak RM500,000 perlu berdaftar dan mengenakan GST ke atas pembekalannya. Sehingga 21 Februari 2017, sebanyak 435,809 entiti telah berdaftar GST dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Berhubung dengan kompaun, secara keseluruhannya, sebanyak 37,556 kompaun telah dikeluarkan bagi tempoh bermula 1 April 2015

sehingga 17 Februari 2017. Negeri Johor mencatat bilangan tertinggi dengan pengeluaran sebanyak 8,104 kompaun, diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 5,036 kompaun dan Selangor sebanyak 4,707 kompaun. Kompaun yang dikeluarkan oleh JKDM adalah melibatkan kesalahan berikut:

- a. Kesalahan berkaitan mempamerkan harga barang yang tidak selaras dengan peruntukan Seksyen 9, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, iaitu hendaklah termasuk bayaran GST yang dikenakan (*GST inclusive*);
- b. Kesalahan berkaitan butiran penuh invois cukai di bawah Seksyen 33, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 seperti tiada nombor pendaftaran GST;
- c. Kesalahan berkaitan kegagalan menghantar penyata dan membayar GST mengikut kategori tempoh iaitu setiap bulan atau setiap suku tahunan di bawah Seksyen 41, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014; dan
- d. Kesalahan berkaitan pendaftaran GST di mana pendaftaran dilakukan terlewat daripada tempoh yang sewajarnya di bawah Seksyen 184, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.